



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 21/2020 dari 17 Mei hingga 23 Mei 2020)

Situasi kes Demam Denggi terus menunjukkan peningkatan sebanyak 19.3% dari kes mingguan pada minggu sebelumnya. Pada minggu ke-21 sebanyak 1,782 kes dan lima (5) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan berbanding 1,494 kes dan enam (6) kematian pada minggu ke-20. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 45,088 kes berbanding 50,779 kes bagi tempoh sama tahun 2019 (penurunan 11.2%) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 82 kematian berbanding 78 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 4 kematian (5.1%) **(Lampiran A & C)**.

Tren mingguan kes Demam Denggi terus menunjukkan peningkatan berterusan sejak enam (6) minggu yang lepas dan telah melepasi kes median untuk 5 tahun bagi 2015 hingga 2019. Namun, tren kes mingguan sehingga kini masih berada di bawah graf kes mingguan Demam Denggi tahun 2019 **(Lampiran B)**. Lokaliti hotspot yang dilaporkan juga bertambah sebanyak 10 lokaliti menjadikan 86 lokaliti hotspot pada minggu ke-21 berbanding 76 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Majoriti hotspot iaitu 66.3% atau 57 lokaliti dari keseluruhan 86 lokaliti hotspot berada di negeri Selangor, diikuti 16 lokaliti hotspot (18.6%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, masing-masing empat (4) lokaliti hotspot di Perak (4.7%) dan di Negeri Sembilan (4.7%) serta masing-masing satu (1) lokaliti hotspot di Melaka (1.2%), di Johor (1.2%),


di Kelantan (1.2%), di Sarawak (1.2%) dan di Sabah (1.2%)
(Lampiran B & D).

Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 66 kes pada minggu ke-21 dengan majoriti kes (48 kes) dilaporkan dari negeri Perak manakala sebanyak 18 kes lagi dilaporkan dari negeri Pulau Pinang menjadikan kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 548. Sebanyak 19 lokaliti wabak Chikungunya juga masih dalam pemantauan rapi oleh KKM iaitu sebanyak 15 wabak di negeri Perak dan empat (4) wabak di negeri Pulau Pinang. **(Lampiran E).** Bagi surveilan Zika, sebanyak 699 sampel darah dan 11 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.


Kes mingguan Demam Denggi yang terus meningkat merupakan amaran awal bahawa wabak boleh berlaku terutama antara bulan Jun hingga Ogos seperti tahun-tahun lepas. Faktor musim peralihan monson yang menyebabkan hujan pada sebelah petang menyebabkan air hujan bertakung di bekas-bekas terbiar. Keadaan ini menyumbang kepada tempat pembiakan nyamuk dan seterusnya penyebaran virus denggi di komuniti. Oleh yang demikian, cara paling berkesan untuk mengelakkan gigitan nyamuk yang menyebabkan jangkitan Demam Denggi adalah dengan membersihkan serta menghapuskan sumber pembiakan nyamuk di persekitaran kediaman mahupun di tempat kerja. Selain itu, pakailah repelan untuk mencegah gigitan nyamuk ketika berada di luar rumah seperti sewaktu beriadah atau apabila keluar rumah. Setiap lapisan masyarakat perlu melakukan perubahan sikap dengan mengamalkan norma baharu bagi kelangsungan hidup secara sihat dan selamat. Membersihkan kawasan persekitaran dari bekas pembiakan nyamuk adalah amat penting untuk memutuskan rangkaian jangkitan Demam Denggi. Mari kita bersama-sama berusaha untuk melandaikan lengkung graf kes Demam Denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


3 Jun 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 20 dan ke- 21 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 21 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke- 21 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 21/2020
(17 Mei hingga 23 Mei 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 21/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 210/2019	
		Minggu Epid 21 (17 Mei – 23 Mei 2020)		Minggu Epid 20 (10 Mei – 16 Mei 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	5	0	25	0	174	0
2	Kedah	15	0	11	0	386	0	830	2
3	P. Pinang	13	0	6	0	349	1	2,677	8
4	Perak	105	2	71	0	1,609	3	1,382	2
5	Selangor	798	1	644	0	26,186	28	29,454	27
6	WP KL & Putrajaya	334	1	275	0	4,313	5	5,166	2
7	N. Sembilan	64	1	78	1	1,138	4	1,020	5
8	Melaka	66	0	56	0	929	4	849	5
9	Johor	201	0	186	2	3,969	16	4,000	11
10	Pahang	42	0	50	1	1,157	4	525	4
11	Terengganu	13	0	4	0	141	0	309	0
12	Kelantan	59	0	36	2	1,621	4	1,456	2
13	Sarawak	27	0	20	0	993	2	671	0
14	Sabah	44	0	51	0	2,267	11	2,244	10
15	WP Labuan	0	0	1	0	5	0	22	0
	MALAYSIA	1,782	5	1,494	6	45,088	82	50,779	78

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 21/2020
(17 Mei hingga 23 Mei 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	129	167
2	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	36	129
3	SELANGOR	H/Langat	Jalan Bm 6/B Bandar Bukit Mahkota	51	101
4	SELANGOR	Petaling	Sekn U3 (P/apuri Daisy C: Blok 9-13)	17	89
5	SELANGOR	H/Selangor	Taman Cempaka	55	79
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	69	77
7	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Puchong	21	76
8	SELANGOR	Klang	Off Jalan Meru Jalan Muda 01	28	75
9	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	9	74
10	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	37	74
11	SELANGOR	Petaling	Sek 11 (Teres A : Jln 11/1 - 11/3)	25	73
12	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 2)	13	70
13	WPKL	Titiwangsa	Pa Desa Rejang (Blok A,B,C,D)	55	62
14	SELANGOR	Gombak	Tmn Kuang Raya	12	61
15	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 2	22	59
16	N SEMBILAN	Seremban	Taman Bukit Sendayan	11	58
17	PERAK	Kinta	Rpt Chepor	48	57
18	SELANGOR	K/Langat	Pangsapuri Impian, Bsp	28	55
19	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Teres E : Jln 19/24 - 19/31)	24	54
20	PERAK	Kinta	Tmn Klebang Jaya	22	54
21	SELANGOR	Gombak	Tmn Rawang Perdana Rp 4 Zon B	16	53
22	WPKL	Cheras	Flat Sri Sabah A(Blok 54-60)	24	51
23	WPKL	Putrajaya	Presint 18 - Parcel R8	19	51
24	SELANGOR	Petaling	Tmn Damai Utama 7 (P/puri Damai Utama)	19	50
25	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah 1 (Jln Indah 1)	15	50
26	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 5 (Jln Bk 5/9-18) & lpd Serdang	16	50
27	SELANGOR	H/Langat	Jalan Bm 6/A Bandar Bukit Mahkota	12	48

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
28	N SEMBILAN	Seremban	Taman Thivy Jaya	7	48
29	WPKL	Titiwangsa	Tmn Setiawangsa (Jln Bkt Setiawangsa 7-15)	18	47
30	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Shang Villa	56	47
31	SELANGOR	Petaling	Sek U5 (Nusa Subang : Jln U5/105 - U5/112b)	16	46
32	SELANGOR	Klang	Apartment Pelangi Court	10	46
33	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Skyvillas)	8	45
34	SELANGOR	Sepang	Cyberia Smarhome	41	44
35	SELANGOR	Petaling	Usj 16	9	44
36	WPKL	Cheras	Flat Sri Sabah B(Blok 62-70)	8	43
37	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Teres F : Jln 19/32 - 19/38b)	24	42
38	WPKL	L/Pantai	Tmn Gembira D (Jalan Riang 1-10)	15	41
39	SELANGOR	Petaling	Tmn Equine (Flat Putra Permai Equine Blok B)	10	41
40	SELANGOR	Gombak	Appt Perdana Park	15	41
41	SABAH	Sandakan	Taman Bahagia	10	41
42	WPKL	Titiwangsa	Sek 1 W/Maju Blok F	18	40
43	SELANGOR	Petaling	Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68-77b)	7	40
44	N SEMBILAN	Seremban	Vision Homes	8	40
45	WPKL	Putrajaya	Presint 11 - Jalan P11a5	13	39
46	WPKL	Titiwangsa	Ppr Hiliran Ampang	16	39
47	SELANGOR	Sepang	Putra Perdana Fasa 08	11	39
48	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 1)	23	39
49	WPKL	L/Pantai	Bangsar Utama (Jln Bangsar Utama 1-8)	5	38
50	WPKL	L/Pantai	Vista Komanwel A	15	38
51	SELANGOR	Petaling	Pju 1a Pprt Lembah Subang 2 (Blok A-F)	16	38
52	SELANGOR	Petaling	Seksyen 22 (Pangsapuri Indahria)	17	38
53	SELANGOR	Petaling	Tmn Subang Mas (Rumah Kedai)	12	38
54	SELANGOR	Klang	Bandar Putera 1 (01)	13	38
55	SELANGOR	H/Langat	Jln Tkp 10-20 Tmn Kantan Permai	15	38
56	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 10 (Sri Dahlia Apt)	7	37
57	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 5)	5	37

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
58	PERAK	LMS	Taman Rakyat	16	37
59	N SEMBILAN	Seremban	Flat Dahlia	6	37
60	WPKL	Titiwangsa	Tmn Setiawangsa (Jln Bkt Setiawangsa 1-6)	8	36
61	SELANGOR	Klang	Off Jalan Kapar 09	11	36
62	WPKL	Cheras	Vista Tasik	16	35
63	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Sri Aman (Lrg Bestari)	7	35
64	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Kota Impian)	10	34
65	SELANGOR	Klang	Taman Indah 01	18	34
66	KELANTAN	Kota Bharu	Dusun Muda	11	34
67	WPKL	Kepong	Menara Orkid	13	33
68	SELANGOR	K/Langat	Taman Seri Telok Datok	30	33
69	SELANGOR	Petaling	Pju 6a Puncak Damansara Kondo	8	33
70	SELANGOR	Petaling	Pst Bdr Puchong (Jln Wawasan 2)	9	33
71	MELAKA	Jasin	Taman Maju Fasa 3	35	33
72	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat E : Blok 47 - 54)	9	32
73	WPKL	Putrajaya	Presint 17 - Ppam Pudina (Efgh)	10	32
74	WPKL	Kepong	Sri Putramas Condo2 (Blok A1, A2, B1, B2)	6	32
75	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat D : Blok 33 - 46)	6	32
76	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Apt Bayu Puteri	5	32
77	SELANGOR	H/Selangor	Jalan Bunga Kertas 2 & 3, Bs	8	32
78	SELANGOR	H/Langat	Jalan Hentian 2-6 Hentian Kajang	12	32
79	SELANGOR	H/Langat	Jalan Saga 20-28 Taman Saga	8	32
80	SELANGOR	Klang	Apartment Sri Ayu Bandar Putera	14	32
81	SELANGOR	Petaling	Usj 2/6	12	32
82	SELANGOR	Petaling	Seksyen 6 (Flat A : Blok 3 - 8)	5	32
83	SARAWAK	Miri	Tudan Flat	7	32
84	JOHOR	J/Bharu	Kg Dato Sul.Menteri Zon 2	7	32
85	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana (Jln Teratai)	8	31
86	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)	7	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU 21/2020 (23 Mei 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Perlis	-	-	-
2	Kedah	Kuala Muda Sik Kota Setar Baling Pendang Yan	3 2 1 1 2 1	10
3	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Tengah	26 28 1	55
4	Perak	Larut, Matang & Selama Kampar Batang Padang Kuala Kangsar Kinta Manjung Kerian Hulu Perak	109 157 59 14 99 13 1 2	454
5	Selangor	Klang Petaling	1 2	3
6	WPKL & P	Kepong	1	1
7	N. Sembilan	-	-	-
8	Melaka	-	-	-
9	Johor	-	-	-
10	Pahang	Bera	1	1
11	Terengganu	-	-	-
12	Kelantan	Tumpat Bachok Kota Bharu Kuala Krai Tanah Merah	8 5 7 1 2	23
13	Sarawak	-	-	-
14	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
15	WP Labuan	-	-	-
JUMLAH KUMULATIF			548	

